

Kaji turun had kandungan alkohol dalam darah elak kemalangan

Kuala Lumpur: Penurunan had kandungan alkohol dalam darah (BAC) antara aspek perlu diutamakan dalam usaha meminda undang-undang berkaitan pemanduan di bawah pengaruh alkohol di negara ini.

Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Law Teik Hua, berkata BAC yang ditetapkan di Malaysia ketika ini ialah 0.08 (80 miligram alkohol dalam 100 mililiter darah), sedangkan saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) adalah 0.05.

Beliau berkata, pada bacaan BAC 0.08, penglihatan dan pemanduan di bawah pengaruh alkohol terjejas, selain tidak dapat mengesan bahaya lalu lintas serta mengawal kenderaan ketika memandu yang menyebabkan kebarangkalian berlaku kemalangan adalah enam kali ganda.

“Adakah batasan ditetapkan ini tinggi? Mungkin, kerana kalau kita lihat, kebarangkalian berlaku kemalangan amat tinggi kerana penglihatan dan pendengaran pemandu terjejas.

“Mereka akan terdorong untuk memandu laju yang akhirnya menyebabkan kemalangan dan membawa risiko kematian kepada diri sendiri serta pengguna jalan raya lain,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi Bicara Pengembangan (EXTENT 6.0) berjudul Pemanduan Berhemah Jalan Raya, Sindrom Pemandu Mabuk anjuran bersama Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Fakulti Kejuruteraan dan Pusat Alumni UPM, yang disiarkan secara langsung melalui Facebook UPM.

Panel lain ialah Profesor Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UPM, Prof Dr Kulanthayan K C Mani, manakala Timbalan Pengarah Pusat Alumni UPM, Husalshah Rizal Hussian bertindak sebagai moderator.

Teik Hua berkata, di bawah bacaan BAC 0.05, keupayaan pemandu akan terjejas dan lambat bertindak balas dengan kebarangkalian kemalangan empat kali ganda, manakala bagi BAC 0.02, pemandu tidak mampu mengesan pergerakan lain dengan pantas dengan kebarangkalian kemalangan 1.5 kali ganda.

Selain itu katanya, ramai pemandu salah faham kerana menyangka jika minum segelas minuman beralkohol, ia tidak akan memberi kesan kepada pemanduan sedangkan jenis minuman keras perlu diambil kira.